

## **FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN BERWAKAF DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM**

**NOR AISHAH BINTI ISMAIL**

## **TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA EKONOMI (EKONOMI KEWANGAN) (MOD PENYELIDIKAN)**

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi amalan berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam. Kaedah kuantitatif digunakan dengan melibatkan 365 orang responden di daerah Kota Bharu Kelantan. Model regresi logistik diaplikasikan bagi tujuan mengetahui hubungan antara faktor dalaman iaitu faktor kepercayaan kepada agama, kerohanian dan kepuasan kebajikan, dan faktor luaran iaitu tingkat pendapatan, tahap pendidikan, status pekerjaan dan bilangan tanggungan dengan amalan berwakaf. Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa kesemua boleh ubah tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan berwakaf. Faktor pendapatan pula dilihat sebagai penyumbang utama kepada amalan berwakaf. Implikasi kajian ini ialah pihak Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dapat mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat berwakaf, seterusnya boleh merancang strategi bagi menarik minat masyarakat untuk mendalami ilmu wakaf serta menjadikan wakaf sebagai satu amalan dalam hidup mereka.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## FACTORS WHICH INFLUENCE WAQF PRACTICE AMONG MUSLIM COMMUNITIES

### ABSTRACT

This study aims to identify factors that affect the waqf practice among Muslim community. Quantitative methods were employed involving 365 respondents in Kota Bharu, Kelantan. Logistic regression model was applied for the purpose of knowing the relationship between internal factors, namely the belief in religion, spirituality and welfare satisfaction; and external factors, namely income level, education level, employment status and number of dependents with waqf practice. The results showed that all of the variables mentioned above were significantly correlated with waqf practice. Income factor contributed most to the waqf practice. Implication of the study is MAIK parties can determine the factors that influence the society to practice waqf, and plan strategies to attract people enriched their knowledge in waqf and practice waqf in their life.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii

## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	13
1.7 Kerangka Kajian	13
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Kepentingan Kajian	16
1.10 Definisi Kajian	17
1.11 Rumusan	20

## BAB 2 KONSEP WAKAF DALAM ISLAM

2.1 Pengenalan	22
2.2 Definisi Wakaf	23
2.3 Pensyariatan Wakaf	25
2.4 Rukun Dan Syarat	28

 2.5 Jenis-Jenis Wakaf	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 plupspsi	30
2.6 Hukum Wakaf				34
2.7 Wakaf Kekal Dan Wakaf Sementara				34
2.8 Wakaf Golongan Bukan Islam				36
2.9 Pengurusan Harta Wakaf				37
2.10 Peranan-Peranan Wakaf				39
2.11 Hikmah Wakaf				41
2.12 Rumusan				42

### BAB 3 TINJAUAN LITERATUR

3.1 Pengenalan	44		
3.2 Kepenggunaan Dalam Islam			
3.2.1 Prinsip Umum Kepenggunaan	45		
3.2.2 Prinsip-Prinsip Kepenggunaan Islam	46		
 3.2.3 Konsep Kebajikan  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 plupspsi	49
3.2.4 Faktor Kepercayaan Kepada Agama	50		
3.2.5 Faktor Kerohanian	52		
3.2.6 Faktor Kepuasan Kebajikan	54		
3.3 Faktor-Faktor Demografi Sosio-Ekonomi	58		
3.4 Rumusan	61		

### BAB 4 METODOLOGI

4.1 Pengenalan	63		
4.2 Reka Bentuk Kajian	64		
4.3 Populasi Dan Sampel Kajian	64		
4.4 Instrumen Kajian	65		
4.5 Kajian Rintis	68		
4.6 Prosedur Kajian	71		
4.7 Analisis Kajian  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 plupspsi	72
4.8 Rumusan	77		



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**BAB 5 DAPATAN KAJIAN**

5.1 Pengenalan	78
5.2 Ujian Kesahan	79
5.3 Ujian Deskriptif	80
5.4 Ujian Regresi Logistik	93
5.5 Rumusan	101

**BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

6.1 Pengenalan	102
6.2 Kesimpulan	103
6.3 Implikasi Kajian	104
6.4 Cadangan	
6.4.1 Cadangan Kepada Majlis Agama Islam Kelantan	107
6.4.2 Cadangan Kajian Penyelidikan Akan Datang	112
6.5 Rumusan	112

**BIBLIOGRAFI**

[14]

**LAMPIRAN**

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Tajuk Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1	Statistik Wakaf Mengikut Negeri di Malaysia	8
2.1	Rukun dan Syarat-Syarat Wakaf	29
2.2	Jenis-jenis wakaf	30
2.3	Hukum Wakaf	34
2.4	Peranan-peranan Institusi Wakaf	40
2.5	Hikmah-hikmah Wakaf	42
4.1	Pembahagian Item dalam Bahagian A	67
4.2	Pembahagian Item Mengikut Faktor Mempengaruhi Masyarakat Berwakaf	68
4.3	Nilai $\alpha$ berdasarkan Cadangan Penyelidik Lepas	69
4.4	Index yang Diperihalkan dalam Kesahan Instrumen	70
4.5	Kebolehpercayaan Faktor yang Diuji	70
4.6	Ringkasan Ukuran Pembolehubah tidak Bersandar	76
5.1	Perbandingan Kebolehpercayaan antara Kajian Rintis dengan Kajian Sebenar	79
5.2	Pengetahuan Jenis-jenis Wakaf	80
5.3	Pengetahuan Wakaf dan Sedekah	81
5.4	Penglibatan terhadap Wakaf	82
5.5	Wakaf yang Dilakukan	83
5.6	Keinginan Pewakaf mengikut Penggunaan	84
5.7	Faktor Kepercayaan kepada Agama	85
5.8	Faktor Kerohanian	85
5.9	Faktor Kepuasan Kebajikan	86
5.10	Penglibatan Wakaf Mengikut Jantina	87
5.11	Penglibatan Wakaf Mengikut Peringkat Umur	88
5.12	Penglibatan Wakaf Mengikut Status Perkahwinan	89
5.13	Penglibatan wakaf Mengikut Taraf Pendidikan	90
5.14	Penglibatan Wakaf mengikut Tingkat Pendapatan	91
5.15	Penglibatan Wakaf Mengikut Status Pekerjaan	92
5.16	Penglibatan Wakaf Mengikut Bilangan Tanggungan	93
5.17	Klasifikasi Regresi Logistik tanpa Pembolehubah tidak Bersandar	94
5.18	Hasil Ujian-ujian keatas Model	94
5.19	Klasifikasi Regresi Logistik dengan Pembolehubah tidak Bersandar	95
5.20	Pembolehubah dalam Persamaan	97

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Tajuk Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1	Hubungan Antara Pembolehubah dalam Kajian	14
3.1	Pemaksimumam Kepuasan Pengguna Muslim	57
4.1	Rangka Kerja	72

## SENARAI SINGKATAN

AMLA	Administration of Muslim Law Act
CDVM	Categorical Dependent Variable Model
ed	Editor
et. al	Et. alia (dan lain-lain)
H <sub>0</sub>	Hipotesis Nol
IKIM	Institusi Kefahaman Islam Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWHAR	Jabatan Wakaf Zakat dan Haji
Jcorp	Johor Corporation Berhad
KMO	Kaiser-Meyer-Olkin
KPNKK	Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
MAIJ	Majlis Agama Islam Johor
MAIK	Majlis Agama Islam Kelantan
MAIM	Majlis Agama Islam Melaka
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MUIS	Majlis Ugama Islam Singapura
PERKAYA	Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim
PMR	Penilaian Menengah Rendah
r.a	Radiya allahu ‘anhu / ha
RM	Ringgit Malaysia
SAN	Sekolah Agama Negeri
SAR	Sekolah Agama Rakyat
s.a.w.	Sallallahu ‘alayhi wa sallam
SPSS	Statistical Package for Social Science
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
ST	Syarikat Takaful
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
s.w.t	Subhanallahu wa ta ‘ala
t.t	Tanpa Tahun
WARESS	Wakaf Real Estate of Singapore
YWM	Yayasan Wakaf Malaysia

## SENARAI LAMPIRAN

- A Jadual Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970)
- B Jadual Perbandingan Ujian Kesahan
- C Jadual Keputusan SPSS Keseluruhan
- D Borang Kaji Selidik

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Ekonomi Islam menitikberatkan kebijakan masyarakat. Tindakan individu adalah untuk menentukan tahap kebijakan yang dicapai dalam ekonomi. Peningkatan kebijakan ekonomi mengikut Islam tidak diukur dalam aspek kebendaan sahaja, malah unsur kerohanian turut diambil kira. Sehubungan itu, terdapat beberapa instrumen yang boleh meningkatkan kebijakan masyarakat. Selain daripada zakat, wakaf merupakan instrumen yang semakin mendapat perhatian dalam pelaksanaan ekonomi Islam masa kini. Memandangkan peranan wakaf tidak disempitkan untuk tujuan beribadat, maka kajian ini penting untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor pendorong masyarakat untuk berwakaf bagi tujuan yang pelbagai.

## 1.2 Latar Belakang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Objektif kebajikan ekonomi Islam boleh dicapai melalui pelbagai instrumen seperti zakat, wakaf dan sedekah. Zakat merupakan amalan yang wajib sementara sedekah dan wakaf adalah amalan sunat yang dilakukan untuk membantu seseorang bagi tujuan kebaikan. Instrumen yang paling banyak ganjaran pahala adalah amalan wakaf. Seseorang Islam yang bersedekah memperoleh pahala ketika bersedekah sahaja, namun ganjaran yang diterima pewakaf berterusan dan kekal selagi harta wakaf itu dimanfaatkan. (Portal Perbadanan Wakaf Selangor, 2014). Instrumen-instrumen ini merupakan medium pembangunan sosio-ekonomi masyarakat dan negara. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda bahawasanya;



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

*“Tangan yang di atas (memberi) lebih mulia daripada tangan di bawah (menerima)”.*

*(Hadis riwayat Muslim)*

Hadis ini memberi gambaran bahawa berbuat baik seperti bantu-membantu terhadap golongan yang memerlukan dan berhadapan dengan masalah ekonomi dipandang mulia oleh Allah s.w.t. serta mendapat ganjaran pahala berlipat kali ganda (Surtahman dan Sanep, 2005).

Berdasarkan Muhammad (2007), kelangsungan ganjaran oleh pewakaf adalah disebabkan kesediaan menahan diri dari mendapat manfaat pokok zat harta untuk dimanfaatkan oleh diri sendiri sebaliknya manfaat diterima oleh orang lain untuk jalan kebaikan dari awal hingga akhir. Kemuliaan amalan berwakaf telah bermula sebelum kedatangan Islam lagi. Ia dapat diselusuri berdasarkan sejarah pembinaan masjid al-

Haram di Mekah dan masjid al-Aqsa di Palestin (Osman, 2002). Selain masjid, antara jenis-jenis harta wakaf yang disumbangkan oleh masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam ialah kandang binatang ternakan, telaga air, batu penggiling tepung, kilang roti, hasil kraf tangan, tanah pertanian, kebun kurma dan ladang gandum. Sejarah Islam membuktikan bahawa wakaf yang pertama dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. pada tahun ke-3 Hijrah selepas perang Uhud. Muhammad bin Ka'ab menerangkan situasi ini dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Sa'ad.

*“Sedekah wakaf yang mula-mula dalam Islam ialah harta wakaf yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. selepas Mukhairiq mati shahid dalam peperangan Uhud di mana beliau (Mukhairiq) telah berwasiat: “Jika aku mendapat habuan (ghanimah perang), maka habuanku itu adalah untuk Rasulullah s.a.w.” Maka Rasulullah s.a.w. mengambil harta tersebut dan mewakafkannya”.*

Menurut Anan (2012) dan Mohd Akram et al. (2008), wakaf pertama yang dimaksudkan dalam hadis di atas merujuk kepada pembinaan Masjid Quba' dan disusuli pembinaan masjid Nabawi di Madinah sewaktu penghijrahan Rasulullah s.a.w. ke Madinah. Kepelbagai fungsi yang mampu dilaksanakan oleh institusi masjid hasil daripada wakaf membuktikan bahawa peranan wakaf tidak sewajarnya disempitkan skop untuk tujuan rumah ibadat semata-mata. Masjid pada zaman nabi telah berfungsi sebagai tempat mesyuarat mahkamah keadilan, pusat pentadbiran dan pusat ketenteraan.

meminta pendapat Rasulullah s.a.w. berkaitan tanah yang diperolehnya ketika pembahagian harta di Khaybar yang berbunyi;

*“Umar bin Al-Khattab telah mendatangi Nabi s.a.w., lalu berkata, “Wahai Rasulullah, saya memperoleh tanah di Khaibar yang saya tidak menyukai sama sekali harta yang lebih baik daripadanya, maka apa yang kamu serukan kepada ku?” Nabi menjawab, “Jika kamu ingin tahan pokoknya dan bersedekah dengannya!” Lalu Umar bersedekah dengan hasil bumi tanah itu. Tanah tersebut tidak dijual, tidak dihibahkan dan tidak diwariskan. Umar bersedekah dengannya kepada orang-orang fakir, hamba, di jalan Allah, orang yang di perjalanan, dan kepada tamu. Orang yang menguasai wakaf tidak berdosa memakan sebahagian darinya dengan cara baik, dan memberi makan bukan untuk memperkaya diri”.*

(*Hadis Riwayat al-Bukhari*)

Berdasarkan kepada hadis berkenaan, fuqaha telah menetapkan tiga peraturan dalam amalan wakaf iaitu *pertama*, harta wakaf tidak boleh dijual; *kedua* harta wakaf tidak boleh diberikan (dihibahkan) kepada orang lain; dan *ketiga* harta wakaf tidak boleh diwarisi (Asmak, 2009). Berdasarkan Razali dan Rohayu (2011), hadis di atas mengemukakan tujuh prinsip asas. Prinsip-prinsip tersebut ialah:

- i. tujuan melaksanakan amalan wakaf dari sudut syariah dan pewakaf sendiri adalah untuk melakukan kebaikan dan untuk mendekatkan diri seseorang pewakaf itu kepada Allah s.w.t.;
- ii. harta wakaf hendaklah jelas jenis dan pemilikannya;
- iii. harta yang diwakafkan adalah bersifat kekal dan berterusan sepanjang dan selepas hayat;
- iv. wakaf memutuskan segala bentuk hak dan kekuasaan si pewakaf ke atas harta yang diwakafkan;

- v. wakaf adalah berbeza dengan bentuk kebajikan yang lain seperti sedekah, hibah, dan hadiah. Wakaf tertakluk kepada sifat-sifat seperti kekekalan, tidak boleh dipindah milik dan muktamad;
- vi. tujuan, penerima dan segala yang berkaitan dengan wakaf mestilah jelas dan terang maksudnya; dan
- vii. wakaf merupakan dana yang dikumpulkan dan berfungsi sebagai sumber pembiayaan secara berkekalan untuk tujuan-tujuan khusus yang ditetapkan oleh pewakaf.

Amalan wakaf semakin berkembang pada masa kini. Model wakaf yang paling berjaya kini boleh dilihat di negara Mesir iaitu wakaf Al-Azhar. Wakaf Al-Azhar mempunyai             aset yang banyak           untuk membangunkan masyarakat Islam di Mesir. Antara aset pembangunan yang dibiayai oleh wakaf al-Azhar ialah Universiti Al-Azhar (Razali dan Rohayu, 2011). Universiti Al-Azhar telah ditubuhkan 1000 tahun yang lalu iaitu pada zaman Fatimiyyin. Ramai pelajar Malaysia yang belajar di sana memperoleh biasiswa kecil daripada institusi wakaf sebanyak £E20 (EGP) setiap bulan dan tiket penerangan balik pada tahun akhir pengajian (Osman, 2002). Universiti ini dibiayai sepenuhnya melalui sumber wakaf dan memberi pendidikan secara percuma. Model ini turut diaplikasi oleh beberapa universiti Islam terkemuka di dunia seperti Universiti Cordovo di Andalus, dan Madrasah Nizamiyyah di Baghdad yang menawarkan pelbagai bidang pengajian (Abdul Ghafar dan Noraziah, 2009).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Wakaf amat signifikan kepada pembangunan dunia Islam terhadap negara Islam dan bukan Islam. Keberkatan amalan berwakaf diiktiraf oleh negara Singapura

sebagai salah satu instrumen yang dapat memberangsang ekonomi negara.

Berdasarkan kepada Ahmad Zaki et al. (2008), umat Islam di Singapura merupakan kelompok minoriti dan tinggal dalam sebuah negara sekular. Berdasarkan statistik bancian tahun 2000, populasi orang Melayu berjumlah seramai 453,600 orang atau 13.9 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk negara Singapura. Walau bagaimanapun, status ini tidak menghalang masyarakat Islam Singapura merebut pahala berwakaf dan membangunkan harta mereka untuk kepentingan diri sendiri dan juga umat Islam.

Penubuhan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) pada tahun 1968 di bawah *Administration of Muslim Law Act* (AMLA) telah banyak membantu masyarakat Islam Singapura untuk menguruskan pembangunan wakaf di Singapura. WARESS *Investment Pte. Ltd* merupakan anak syarikat yang telah ditubuhkan bagi menjana dana dan memastikan harta wakaf dapat dibangunkan. WARESS akan memastikan semua aktiviti hartanahnya adalah mengikut kehendak syariah. Salah satu kejayaan terbesar yang telah dicapai oleh WARESS ialah menerbitkan S\$25 juta Bon Musyarakah untuk membeli sebuah bangunan di 11 Beach Road bagi menggantikan 20 tanah wakaf MUIS yang berada di lokasi yang tidak berpotensi untuk dibangunkan. Bon tersebut digunakan untuk membeli bangunan pejabat enam tingkat yang berharga S\$31.5 juta atau S\$919 kaki persegi (Ahmad Zaki et al., 2008).

Amalan wakaf turut berkembang pesat di Malaysia. Selain pembinaan masjid, sejarah wakaf dapat diselusuri berdasarkan sejarah pembangunan pondok-pondok pengajian agama. Hal berkaitan pengurusan harta wakaf telah diamanahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Majlis ini bertindak sebagai pemegang amanah

tunggal kepada semua jenis harta wakaf di Malaysia, meliputi harta tak alih dan harta alih. Antaranya Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 menyatakan bahawa MAIN menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazar dan amanah (Asmak, 2009). Walau bagaimanapun, peruntukan wakaf di dalam enakmen-enakmen negeri didapati tidak bersifat menyeluruh dan hanya menumpukan kepada aspek-aspek pentadbiran dan prosedur ringkas tentang wakaf (Siti Mashitoh, 2006). Rentetan itu, Kerajaan Persekutuan telah menujuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 27 Mac 2004 bagi mengemas kini jentera pentadbiran harta wakaf. Objektif utama penubuhannya ialah membuat pemantauan dan penyelarasan bagi pengurusan wakaf, zakat dan haji di Malaysia demi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih baik (Laporan Tahunan JAWHAR, 2007).

Menurut statistik wakaf yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR, 2013), sehingga kini Malaysia memiliki keluasan tanah wakaf sebanyak 8,825.03 hektar yang merangkumi 4,817.88 hektar (tanah wakaf am) dan 4,507.15 hektar (tanah wakaf khas). Jumlah keseluruhan tanah wakaf bernilai sebanyak RM1,141,485,133.40. Perincian keluasan tanah wakaf mengikut negeri ditunjukkan dalam jadual 1.1:

### Statistik Wakaf Mengikut Negeri di Malaysia tahun 2013

Negeri	Keluasan Tanah Wakaf (Hektar)		Jumlah Keluasan (Hektar)	Nilai Tanah Wakaf (RM)	Nilai Tanah Wakaf per hektar (RM)
	Am	Khas			
Johor	1,422.80	1,729.50	3,152.30	7,000,500.00	2220.76
Kedah	158.62	1,086.25	1,244.88	1,997.00	1.60
Kelantan	16.01	157.63	173.65	56,703,373.00	326538.28
Melaka	11.65	21.60	33.25	66.50	2.00
Negeri Sembilan	1.01	14.49	15.50	36.00	2.32
Pahang	0.00	723.82	723.82	18,000,000.00	24868.06
Perak	116.12	0.00	116.12	383.00	3.30
Perlis	2.74	14.49	17.23	1,337,998.00	77655.14
Pulau Pinang	220.03	559.23	779.26	850,000,000.00	1090778.43
Sabah	2,062.88	32.28	2,095.16	103.00	0.05
Sarawak	6.86	4.04	10.90	1,416,781.90	129979.99
Selangor	235.63	31.82	267.45	200,000,000.00	747803.33
Terengganu	34.54	126.64	161.18	7,023,869.00	43577.80
Wilayah Persekutuan	0.49	1.59	2.08	16.00	7.69
<b>Jumlah</b>	<b>4,817.88</b>	<b>4,507.15</b>	<b>8,825.03</b>	<b>1,141,485,133.40</b>	

Sumber, Portal Pengurusan Maklumat Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2013)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Berdasarkan kepada Jadual 1.1, tanah wakaf am yang paling luas ialah di negeri Sabah (2,062.88 hektar) diikuti dengan negeri Johor (1,422.80 hektar). Manakala yang paling sempit ialah negeri Pahang iaitu tiada tanah yang diwakafkan bagi tujuan am diikuti dengan negeri Wilayah Persekutuan (0.49 hektar). Tanah wakaf khas yang paling tinggi ialah di negeri Johor (1,729.50 hektar) diikuti negeri Kedah (1,086.25 hektar) manakala yang paling rendah di negeri Perak iaitu tiada tanah yang diwakafkan bagi tujuan khas diikuti dengan negeri Wilayah Persekutuan (1.59 hektar). Jumlah bagi keluasan tanah wakaf keseluruhan yang paling tinggi ialah di Johor (3,152.30 hektar) diikuti dengan Sabah (2,095.16 hektar) manakala yang paling rendah ialah di negeri Wilayah Persekutuan (2.08 hektar) diikuti dengan negeri Sarawak (10.90 hektar). Nilai tanah wakaf yang paling tinggi pula ialah di negeri Pulau Pinang (RM850,000,000.00) diikuti dengan negeri Selangor (RM200,000,000.00) dan negeri Kelantan (RM56,703,373.00).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Nilaian tanah wakaf di Kelantan merupakan antara tiga negeri tertinggi di Malaysia walaupun jumlah keluasannya begitu sedikit berbanding lain-lain negeri.

Secara tidak langsung, ia menunjukkan bahawa tanah yang diwakafkan merupakan tanah yang berada di lokasi strategi. Nilaian tanah wakaf yang diperoleh adalah berdasarkan kepada pembangunan yang telah dijalankan di atas tanah wakaf tersebut. Namun demikian 70 peratus daripada tanah wakaf yang didaftarkan diklasifikasikan sebagai tidak aktif. Ini adalah kerana tanah tersebut hanya di wakafkan bagi tujuan rumah ibadat seperti masjid atau surau dan tanah perkuburan (Portal Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, 2013). Statistik tanah wakaf di negeri Kelantan sehingga tahun 2013 menunjukkan peningkatan. Masyarakat Kelantan didapati cenderung mewakafkan tanah kosong berbanding benda-benda lain kerana faedahnya adalah lebih besar dan menguntungkan. Walau bagaimanapun, pengetahuan dan kefahaman masyarakat terhadap amalan wakaf masih lagi sederhana.

Menurut Mohd Afendi (2012), institusi wakaf belum lagi berjaya membawa masyarakat ke tahap pembangunan yang lebih selesa. Hal ini kerana, masyarakat masih lagi memandang wakaf dalam skop yang sempit serta pemahaman wakaf secara tradisional. Masyarakat menganggap wakaf hanya untuk pembinaan masjid, tanah perkuburan dan pondok-pondok agama. Faktor ini menyebabkan institusi wakaf gagal menjana sumber pendapatan untuk kepentingan umat Islam (Megat dan Asiah, 2006).

Mohd Afendi (2012), telah menjalankan kajian di negeri Selangor, Perak, dan Negeri Sembilan berkaitan tahap kefahaman masyarakat terhadap konsep wakaf. Dapatkan kajian beliau mendapati bahawa tahap kefahaman responden terhadap konsep wakaf masih lagi sederhana iaitu antara 41 - 65% sahaja.

Menurut Anan (2012), masyarakat hari ini masih belum memahami dan mengetahui konsep serta peranan wakaf secara mendalam dan dinamik. Sebagai contoh, pembangunan wakaf pada hari ini banyak memfokuskan kepada tujuan berbentuk ekonomi seperti pembangunan hotel-hotel wakaf. Namun begitu, kerana kurangnya kefahaman masyarakat terhadap konsep ini, mereka mempersoalkan keputusan MAIN serta kerajaan dalam meluluskan pembangunan yang ditanggapi mengundang gejala maksiat di atas tanah wakaf. Namun hakikatnya, pembinaan hotel di atas tanah wakaf akan memberi kemudahan kepada musafir-musafir dalam perjalanan untuk tujuan kerja atau berekreasi.

Wan Ariffin et al. (2008) berpendapat bahawa wakaf pada hari ini perlu dipandang dalam skop yang amat luas meliputi premis-premis perniagaan, kediaman, rumah kedai dan sebagainya. Selain itu, wakaf juga memenuhi keperluan atas masyarakat seperti pinjaman, khidmat kesihatan, keperluan infrastruktur dan sebagainya.

Berdasarkan Muhammad (2012), masyarakat hanya memandang wakaf sebagai bekalan selepas seseorang itu meninggal dunia dan tidak melihat ia sebagai suatu amalan yang relevan untuk kemudahan dan keperluan pada hari ini. Justeru itu, mempengaruhi persepsi dan minat masyarakat untuk memahami konsep sebenar wakaf dan seterusnya tidak mahu melaksanakannya. Isu ini menjadi semakin serius lagi apabila terdapatnya ketirisan dalam pengurusan wakaf.

Sehubungan itu, memandangkan wujudnya jurang pengoptimuman terhadap penggunaan tanah wakaf disebabkan jurang kefahaman masyarakat terhadap

pensyariatan wakaf, maka faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku perlu diselidiki.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Isu ketidakfahaman masyarakat terhadap konsep dan amalan wakaf sepatutnya tidak berlaku. Hal ini kerana, wakaf merupakan pertalian antara agama dengan kehidupan ekonomi umat Islam (Ridzuan, 1994). Wakaf berperanan dalam pembangunan insan yang mana seseorang yang mewakafkan harta untuk kepentingan umum dapat menghindarkan diri individu daripada sifat bakhil, sifat pentingkan diri sendiri, bermegah-megah dengan kekayaan, dapat menanam sikap tolong-menolong, bertimbang rasa, prihatin kepada golongan yang tidak bernasib baik, dan mengeratkan persaudaraan sesama Islam. Secara tidak langsung wakaf sebagai landasan untuk mendapat keredhaan dan keberkatan Allah s.w.t. Amalan wakaf juga memberi peluang kepada individu yang tidak mempunyai waris untuk memperoleh pahala dengan mewakafkan hartanya untuk kegunaan umum.

Merujuk kepada Jadual 1.1 khususnya di negeri Kelantan menunjukkan nilai tanah begitu tinggi iaitu RM326,538.28 sehektar. Keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Kelantan mewakafkan aset yang mempunyai nilai begitu tinggi. Sehubungan itu, penting bagi kajian ini untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong masyarakat Islam di Kelantan untuk berwakaf. Melalui kajian ini mampu memenuhi lompong kajian lepas yang lebih tertumpu pada aspek teoritikal wakaf sahaja.

### 1.4 **Objektif Kajian**

05-4506832 [pustaka.upsi.edu.my](http://pustaka.upsi.edu.my)



Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti bentuk amalan wakaf yang dilaksanakan di Malaysia;
- ii. Menganalisis bentuk budaya amalan berwakaf mengikut faktor-faktor sosio-ekonomi; dan
- iii. Menganalisis hubungan antara faktor kepercayaan kepada agama, kerohanian dan kepuasan kebajikan terhadap amalan berwakaf.

### 1.5 **Persoalan Kajian**

05-4506832 [pustaka.upsi.edu.my](http://pustaka.upsi.edu.my)



Persoalan kajian yang dapat dibentuk berdasarkan objektif kajian ialah:

- i. Apakah bentuk amalan wakaf yang dilaksanakan di Malaysia?
- ii. Apakah bentuk budaya amalan berwakaf mengikut faktor-faktor sosio-ekonomi?; dan
- iii. Adakah terdapat hubungan signifikan antara faktor kepercayaan kepada agama, kerohanian, dan kepuasan kebajikan dengan amalan berwakaf?



05-4506832



[pustaka.upsi.edu.my](http://pustaka.upsi.edu.my)



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

### 1.6 Hipotesis Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi


Terdapat tujuh hipotesis dapat dibentuk dalam kajian ini berdasarkan faktor-faktor yang dikenal pasti. Hipotesis-hipotesis berkaitan ialah:

- H<sub>o1</sub>: Tidak terdapat hubungan statistik yang signifikan antara faktor kepercayaan kepada agama dengan amalan berwakaf.
- H<sub>o2</sub>: Tidak terdapat hubungan statistik yang signifikan antara faktor kerohanian dengan amalan berwakaf.
- H<sub>o3</sub>: Tidak terdapat hubungan statistik yang signifikan antara faktor kepuasan kebijakan dengan amalan berwakaf.
- H<sub>o4</sub>: Tidak terdapat hubungan statistik yang signifikan antara faktor tingkat pendapatan dengan amalan berwakaf.
- H<sub>o5</sub>: Tidak terdapat hubungan statistik yang signifikan antara faktor tahap pendidikan dengan amalan berwakaf.
- H<sub>o6</sub>: Tidak terdapat hubungan statistik yang signifikan antara faktor status pekerjaan dengan amalan berwakaf.
- H<sub>o7</sub>: Tidak terdapat hubungan statistik yang signifikan antara faktor bilangan tanggungan dengan amalan berwakaf.

### 1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual dibangunkan untuk membuat pemerhatian yang sistematik terhadap masalah kajian dengan merujuk kepada kajian lepas (Muhammad Akbar dan Syed Kamaruzaman, 2011). Kerangka konseptual yang dibina meliputi pemboleh

ubah yang digunakan bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi amalan masyarakat berwakaf. Kerangka konseptual kajian ini ditunjukkan dalam rajah 1.1:



Rajah 1.1, Hubungan antara Pemboleh Ubah dalam Kajian

Berdasarkan kepada kerangka Rajah 1.1, terdapat tujuh pemboleh ubah tidak bersandar ( $x_i$ ) yang mempunyai pengaruh signifikan diuji. Pemboleh ubah bersandar kajian berbentuk dikotomus iaitu nilai 0 dan 1 dengan 1 mewakili melakukan wakaf dan 0 sebaliknya. Pemboleh ubah tidak bersandar pula terdiri daripada dua faktor iaitu faktor dalaman yang terdiri daripada faktor kepercayaan kepada agama, faktor